



Semua Pelajar Berdaftar
Semester 3 Sesi Akademik 2016-2017
Fakulti Ekonomi & Pengurusan
Pusat Kembangan Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia

Saudara/i,

PENGESAHAN PENDAFTARAN KURSUS DAN DRAF JADUAL WAKTU PEPERIKSAAN SEMESTER 3 SESI AKADEMIK 2016-2017

Merujuk kepada perkara di atas, adalah dimaklumkan bahawa peperiksaan akhir bagi Program Eksekutif Semester 3 Sesi Akademik 2016-2017 akan diadakan pada **25 September hingga 1 Oktober 2017**.

Sehubungan itu, saudara/i dikehendaki membuat pengesahan pendaftaran kursus Semester 3 Sesi Akademik 2016-2017 melalui **SMPE** mulai **4 hingga 10 September 2017**. Dalam paparan di SMPE akan tersenarai kursus yang saudara/i daftar pada semester ini, sila klik sah jika semua kursus dipaparkan. Semua pelajar **perlu** membuat pengesahan pendaftaran kursus ini untuk memastikan semua kursus yang saudara/i daftarkan telah tersenarai di dalam senarai pendaftaran kursus semasa. Saudara/i yang gagal membuat pengesahan pendaftaran kursus dalam tempoh masa yang ditetapkan akan dikenakan denda sebanyak RM50.00.

Draf jadual peperiksaan akhir Semester 3 Sesi Akademik 2016-2017 akan dipaparkan di laman web PKP bermula **4 September 2017**. Sekiranya terdapat percanggahan jadual peperiksaan, saudara/i dikehendaki memaklumkan kepada Unit Peperiksaan dan Pengijazahan PKP melalui emel mazuna@ukm.edu.my selewat – lewatnya pada **10 September 2017**.

Sekiranya saudara/i gagal membuat pengesahan atau pembetulan terhadap maklumat tersebut, maka segala butiran kursus yang dicatatkan akan dianggap betul dan lengkap. Jika semasa peperiksaan, saudara/i tidak hadir bagi kursus - kursus berkenaan, saudara/i akan diberi gred E (gagal).

Jadual Waktu Peperiksaan muktamad dipaparkan dalam Kad Masuk dan Jadual Peperiksaan (KMJP) dan boleh dicetak dari SMPE mulai **18 September 2017**.

PUSAT KEMBANGAN PENDIDIKAN

Aras 2, Bangunan Wawasan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Telefon: +603-8921 4073 Faksimili: +603-8925 1391 E-mel: pghkmbgn@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/pkp>

Saudara/i dikehendaki mengambil perhatian dan tindakan sewajarnya bagi memastikan persiapan saudara/i menduduki peperiksaan berjalan dengan lancar.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



MAZUNA JAMALUDDIN

Eksekutif Kanan

Unit Peperiksaan dan Pengijazahan

- s.k. - Ketua Bahagian Pengurusan Akademik
- Penyelaras Program
- Eksekutif, Unit Pengurusan Program dan Rekod Pelajar



PUSAT KEMBANGAN PENDIDIKAN

Aras 2, Bangunan Wawasan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Telefon: +603-8921 4073 Faksimili: +603-8925 1391 E-mel: pghkmbgn@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/pkp>